



Intelektual pembangunan: Antara yang menyumbang dan mendendang

Jalaluddin Abdul Malek¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Jalaluddin Abdul Malek (email: jbam@ukm.my)

Abstrak

Intelektual pembangunan bermaksud individu yang memberi manfaat dan menyumbang ilmunya kepada masyarakat sama ada dari sudut pembangunan politik, polisi, pentadbiran, ekonomi, sosio-budaya, teknologi, pelajaran, undang-undang, etika dan moral. Berdasarkan wacana popular, masih terdapat mereka yang kurang jelas mengenai budaya intelektual pembangunan. Wacana popular lebih melihat intelektual pembangunan secara universal dan bukan melihat secara partikular. Dalam wacana ilmiah budaya intelektual dilihat secara partikular iaitu terbahagi kepada dua sifat. Pertama intelektual yang menyumbang dan kedua intelektual yang mendendang. Perbincangan ini melihat sejauh mana perbezaan sifat di antara golongan intelektual pembangunan yang menyumbang dengan golongan intelektual pembangunan yang mendendang. Hasil perbincangan ini mengguna kaedah analisis wacana diskriptif iaitu melihat perbezaan intelektual di bawah metod pemahaman budaya intelektual. Hasilnya didapati terdapat perbezaan sifat keperibadian dan keilmuan di antara golongan intelektual pembangunan yang menyumbang dengan intelektual pembangunan yang mendendang.

Katakunci: intelektual masyarakat, nilai, pembangunan, pembangunan nasional, wacana pembangunan, worldview

Discoursing Malaysian development: The contrasting traits of public intellectuals

Abstract

Intellectuals inspire, articulate and drive a nation's development. Or do they really? This article takes a closer look at the myth or reality of Malaysian development intellectuals by examining their individual and cultural traits and typology. In the light of contemporary literature and Malaysian unique cultural milieus and worldviews it is found that there are at least two distinct types of development intellectuals informing the discourse of Malaysian development : one that labours genuine thoughts on what proper and sound national development should be , and the other that mainly hypes what is popular or ought to be popularized.

Keywords: development, discourse, national development, public intellectuals, values, worldviews

Pengenalan

Pokok perbincangan ini berasaskan isu budaya intelektual yang sudah tersasar jatidiri dan jauh sekali berprinsip di kalangan masyarakat akademik, masyarakat professional dan masyarakat awam. Budaya dan pemikiran yang terlalu taksud dengan ilmu barat, ilmu kolonial dan ilmu yang datang dari luar diterima tanpa usul periksa sangat membimbangkan. Lebih-lebih lagi digunakan ilmu barat dan ilmu kolonial

sebagai rujukan kepada pembangunan negara tanpa dilihat dari sudut yang berbeda dari segi sosio budaya dan iklim kehidupan negara kita (Syed Muhammad Naquib al-Ataas 2007; Shamsul, 2011). Ketaksuban itu boleh menenggelamkan usaha mencari jatidiri ilmu yang sesuai dengan iklim negara kita. Ianya juga menjejaskan keupayaan mengkaji, membanding dan mengolah sesuatu ilmu supaya menjadi asas kepada tamadun bangsa. Impaknya lahiriah intelektual tertawan dan ditawan yang menguasai pemikiran pembangunan negara (Raja Ahmad Aminullah, 2011; Abd.Rahman Abd. Hamid, 2011). Akhirnya tamadun negara hanya berpaksikan ikut-ikutan barat, yang mana boleh mengulangi kesilapan yang dihadapi oleh dunia barat itu. Idea sekularisme dan evolusionisme merupakan sebahagian contoh pemikiran pembangunan barat yang banyak melakukan kesilapan dalam mengurus tamadun manusia. Malahan tidak berpaksikan kebenaran dan keadilan yang nyata.

'Tho, Siin. Inilah ialah ayat-ayat Al-Quran, juga kitab yang jelas nyata (kandungannya dan kebenarannya). Menjadi hidayah pertunjuk dan berita gembira bagi orang-orang yang beriman' (Al-Quran 27:1-2).

'Dan tiadalah kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya sebagai ciptaan yang tidak mengandungi hikmah dan keadilan....' (AlQuran 38:27).

Intelektual atau intelektual bermaksud seorang yang dihormati dari sudut bidang keilmuannya. Menurut kefahaman majoriti sarjana barat, intelektual itu ialah ahli akademik yang mesti mahir dalam satu-satu bidang keilmuan (Abdul Rahman Abdullah, 2003; Muhd Yusof Ibrahim, 2010). Atas kemahiran satu bidang ilmu tersebut, barat telah menjenamakan mereka ini dengan diberi anugerah seperti Profesor, Profesor Adjung, Profesor Emeritus dan Profesor Ulung. Menurut Islam tanda aras orang yang berilmu ialah merujuk kepada intelektual Rasulullah saw. Islam melihat Rasulullah saw. mempunyai pelbagai bidang intelektual sesuai dengan sifat kenabiannya. Intelektual Rasulullah saw. telah terdidik dengan ilmu wahyu yang gurunya ialah Allah swt. Ertinya Intelektual Rasulullah saw. melebihi sumber-sumber ilmu daripada manusia biasa. Rasulullah saw. sebagai intelektual dan nabi wajib memperjuangkan kebenaran di sisi Allah swt. melalui ilmu, amal dan dakwah. Ilmu yang disampaikan oleh Rasulullah saw. begitu luas bidangnya. Baginda mencurahkan ilmu kepada umatnya dengan tidak berniat untuk mendendangkan diri, tetapi menjalankan tugas yang diamanahkan oleh Allah swt. Lebih-lebih lagi untuk memantapkan perjanjian tauhid manusia dengan Allah swt (Roziyah Sidek, 2004). Dakwah Rasulullah saw. itu terus melahirkan intelektual pengikut iaitu golongan para sahabat dan ulamak. Kecemerlangan tamadun Islam sama ada di Baghdad dan di Andalusia kerana para sahabat dan ulamak dapat menguasai pelbagai bidang ilmu sama ada ilmu Islam, ilmu falsafah, dan ilmu sains dan teknologi. Dendang bermaksud diwar-warkan supaya popular. Menurut Kamus Dewan (2002) edisi ketiga, dendang bermaksud dinyanyikan, disahut-sahutkan dan diperdengarkan kepada khalayak supaya diketahui orang tentang kehebatan persembahannya. Persoalan isi persembahan tersebut tidak diambil kira yang penting sedap didengar, menghiburkan dan menyenangkan halwa telinga. Intelektual didendang memang sukakan populariti. Soal jatidiri ilmu, prinsip dan kebenaran tidak termaktub dalam kamus pengertian intelektual didendang. Apa yang penting hujah untuk menegakkan ilmu berdasarkan fikiran rasional serta sesuai dengan arus perdana kerana mahu mendapat sanjungan dan kemuliaan. Intelektual didendang umpama tong kosong, kuat bunyi bila diketuk kerana tiada isi di dalamnya seperti pepatah Melayu 'Ayam Telur Sebiji, Tetapi Riuh Sekampung' (Bennabi, 2005; Asya`ari, 2011; Ali Nadwi, 2012).

Jenis-jenis manusia intelektual

Jenis-jenis manusia intelektual boleh dilihat berdasarkan dua sudut. Pertama dari sudut sumbangan ilmu yang diberi dan yang kedua dari sudut sifat humanisme manusia intelektual (Deary, 2001; Janin, 2008; Hall 2010). Dari sudut sumbangan ilmu, jenis intelektual ini boleh dibahagikan kepada lima jenis.

Pertama, Intelpek pasif (Passive intellectual) iaitu golongan intelektual yang berpotensi memahami dan berfikir secara abstrak, dan berusaha untuk menjelaskan ilmu tersebut kepada orang ramai. Kedua, Intelektual aktif (Active intellectual) iaitu golongan intelektual yang produktif yang berusaha mengeluarkan ilmu baru atau teori baru. Berdasarkan penemuan baru itu ia direalisasikan menjadi ilmu untuk kegunaan orang ramai. Ketiga, Intelektual sebenar (Actual intellectual) iaitu golongan intelektual yang sebenar dan yang semulajadi kerana sejak dilahirkan mereka ini bijak, pintar, bestari dan mudah menerima ilmu. Keempat, Intelektual terbina (Acquired intellectual) iaitu golongan intelektual yang muncul kerana daya usaha seseorang itu mencari kemahiran dan mendapat sesuatu ilmu kemahiran. Pada akhirnya menjadi orang pintar dan kepintarannya pula diiktiraf oleh masyarakat. Kelima, Intelektual sejagat (Universal intellectual) iaitu golongan intelektual yang muncul kerana berasaskan hujah, bukti dan sebab musabab yang disumbangkan untuk kemajuan sejagat. Mereka mempunyai kefahaman yang jelas dan diakui oleh semua pihak tentang kebijakannya menghurai sesuatu ilmu demi faedah sejagat.

Dari sudut sifat humanisme jenis intelektual boleh dibahagikan kepada tiga (Mohd Kamel Idris, 2011). Pertama Intelektual mencari nama atau sanjungan (Al-Riya'). Dari segi bahasa, riya' masih satu akar dengan kata ru'yah yang bermaksud penglihatan. Riya' ertinya melakukan suatu amalan kerana ingin dilihat oleh manusia. Orang yang riya' ingin agar orang lain mengetahui amalannya kemudian merasa takjub dan memberikan pujian kepadanya. Al-Riya' adalah lawan dari ikhlas, kerana riya' bererti mahu sanjungan dari manusia, sedangkan ikhlas beribadah hanya untuk Allah swt. Para ulama sendiri menyebut riya' sebagai syirik tersembunyi (al-syirik al-khafiyy). Riya' dikategorikan sebagai syirik kerana orang yang riya' bererti telah menyekutukan tujuan ibadahnya. Mereka tidak hanya menjadikan Allah swt. sebagai tujuan, tetapi telah menjadi manusia sebagai sekutu bagi Allah swt. Kedua, Intelektual yang dimasyhurkan (Al-Masyhur). Ada dua cara bagaimana golongan intelektual ini mashur. Cara pertama kerana orang lain yang mengangkat hasil pemikiran dan kepintarannya sehingga menjadi masyhur. Mungkin individu intelektual tersebut tidak menyedari atau tidak bersetuju untuk jadikan dirinya masyhur tetapi atas desakan pihak-pihak tertentu intelektual tersebut terpaksa memberi persetujuan. Cara kedua, terdapat juga ahli intelektual yang memasyhurkan dirinya sendiri. Ilmu dan pengetahuannya dimasyhurkan melalui ceramah, seminar, penerbitan jurnal dan buku atau menganggotai jawatan kuasa di peringkat nasional dan global. Ketiga ialah golongan Intelektual yang tidak popular (Al-Akhfiya). Tidak popular intelektual ini kerana ilmu dan pengetahuannya mungkin tidak selari dengan kemajuan arus perdana. Mungkin juga tidak popular kerana bersifat melawan arus kepada kemajuan perdana. Terdapat intelektual al-Akhfiya yang berjasa tetapi terlepas dari pandangan pihak awam, masyarakat dan negara. Mereka ini juga disebut 'wira yang tidak didendang'. Ini kerana hasil pemikiran dan tindakan mereka telah memberi impak yang besar kepada pembangunan negara, tetapi tidak dapat menerima balasan yang sewajarnya (Muhamad Syukeri Unus, 2009).

Keperibadian dan ilmu intelektual menyumbang (ITD)

Berdasarkan jenis-jenis manusia intelektual di atas, intelektual menyumbang merupakan seorang bersifat intelektual terbina, tidak mahu menjadi seorang intelektual al-Riya' tetapi merupakan seorang intelektual Al-Masyhur atau Al-Akhfiya. Intelektual menyumbang (ITD) merupakan individu berilmu yang mampu mencetuskan tranformasi tamadun dan menyumbang kepada pembangunan ummah. ITD juga merupakan pencetus kepada perubahan terhadap pandangan dunia masyarakatnya, seorang yang beramal dengan ilmunya dan mempunyai etika dan moral yang boleh dicontohi (Shaharir Mohamad Zain, 2012). ITD mempunyai 10 sifat keperibadian dan etika keilmuannya.

Intelektual sentiasa menjaga kontrak Tauhid dan kontrak sosial. Kontrak Tauhid sentiasa menjaga hubungan diri dengan Allah swt. supaya tidak syirik besar dan syirik kecil kepada Allah swt. Intelektual ITD sentiasa mahir dan beramal dengan ilmu mengurus diri iaitu ilmu Tauhid, Feqah dan Tasauf supaya tidak terjerumus dalam kebinasaan. Kontrak sosial merujuk kepada penjagaan hubungan manusia dengan manusia, iaitu intelektual ITD mahir dan beramal dengan ilmu mengurus sistem seperti politik dan pemerintahan, ekonomi, sosio budaya, sains dan teknologi, pendidikan serta undang-undang

dan penguatkuasaan. Intelektual ITD sentiasa memahirkan diri menghubungkan dua amalan ilmu iaitu ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem dalam kehidupan seharian (Muhammad Hasan al-Basri, 2011). **Seorang intelektual ITD dilihat sebagai tokoh atau *role model*** dalam dunia akademik dan dunia realiti. Ini kerana mereka banyak menyumbang melalui kemahiran masing-masing. Kemahiran yang dimaksudkan ialah berjaya mengenal potensi diri dalam dunia pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan sumbangan mereka kepada masyarakat (Nawawi & Martini, 1994). ITD juga menjadikan dunia penulisan sebagai perkara wajib untuk melontarkan idea yang berkualiti berdasarkan kemampuan dan keilmuan masing-masing. ITD merupakan seorang skolar dan intelektual tulin kerana ada 'niche' pengetahuan yang boleh dijadikan pegangan. ITD juga boleh mengaitkan ilmu intelektual dengan ilmu-ilmu lain sama ada bersifat multi disiplin, silang disiplin atau tersulam dengan pelbagai disiplin ilmu. Intelektual ITD dalam bidang sains sosial misalnya telah berjaya menyulam ilmunya dengan keilmuan yang lain seperti sains dan teknologi, ilmu teologi, ilmu pembangunan dan ilmu seni. Peranan intelektual ITD yang tulin mestilah bertindak atas dasar lima P. Pertama sebagai Pendidik (al-Murabbi); Kedua, sebagai Pengajar (al-Mudarris); Ketiga, sebagai Penyampai (al-Muallim); Keempat, sebagai Pembimbing (al-Muaddib); dan Kelima, sebagai Petunjuk (al-Mursyid). Ini bermakna intelektual ITD yang hebat mestilah dapat mengungkap pandangan alam kepada anak muridnya dengan hikmah, kemudian dapat menghuraikan ilmu yang dipelajari dengan ilmu-ilmu yang lain, seterusnya dapat membimbing muridnya beramal terus dengan ilmu yang dipelajari.

Intelektual ITD sentiasa berpegang kepada etika kesarjanaan. Mereka belajar dan mengajar ilmu dengan penuh tertib, beradab dan sabar (Syahrul, 2011). Etika kesarjanaan ITD yang boleh dijadikan contoh ialah kaedah menuntu ilmu dari zaman Al-Farabi hingga Ibn Khaldun (Rosenthal, 1996). Terdapat tujuh etika kesarjanaan yang menjadi asas dalam proses menuntut ilmu dan mengajar mengenai sesuatu ilmu. Pertama intelektual ITD sentiasa ada buku catatan kerana tidak hanya mengharap kepada kuasa ingatan. Intelektual ITD bukan sahaja bergantung kepada kuasa hafalan atau ilmu monolog tetapi beliau menulis, mencatat dan menerbitkan ilmunya. Kedua, intelektual ITD sentiasa ada buku atau kitab sebagai rujukan. Ketiga, intelektual ITD seorang yang rajin mencari dan mengumpul manuskrip serta wacana-wacana lain sebagai perbandingan ilmu. Keempat, intelektual ITD merupakan seorang yang tekun meneliti maklumat tambahan sebagai sumber ilmu seperti melakukan tinjauan dan perbincangan dengan pihak-pihak berwajib. Kelima, intelektual ITD sentiasa menghormati karya dan manuskrip orang lain. Setiap karya yang ditujuk akan dicatat nama pengarang dan mantannya. Keenam, intelektual ITD sangat memahami makna tersirat dan yang tersurat, serta mengetahui peristiwa mengapa fakta yang ditemui itu dibahaskan. Ketujuh, intelektual ITD ikhlas mengkritik ilmu orang lain berdasarkan hikmah bukan kerana cemburu dan hasad dengki. Beliau juga ikhlas menerima kritikan tentang ilmunya dari sarjana yang lain. **Intelektual ITD merupakan seorang pengurus yang berkesan** khususnya untuk diri sendiri dan organisasi di mana tempat bertugas. Intelektual ITD juga ada yang memimpin Universiti, memimpin masyarakat, memimpin pertubuhan NGOs sama ada dalam dan di luar negeri. Individu yang boleh dijadikan contoh sebagai intelektual ITD ialah Profesor Dr. Yusof al-Qaradawi. Selain ulamak tersohor beliau juga telah memegang jawatan sebagai Pengarah Qatari Secondary Institute of Religious Study, Pengerusi Scientific Council of Islamic University di Algeria serta Ketua The European Council for Fatwa and Research. Beliau merupakan pengkritik dasar-dasar keilmuan barat yang paling aktif. Fahaman beliau sering sahaja bertentangan dengan dunia barat. Namun begitu, beliau pernah bertugas sebagai *Islamic Scholar* di Ireland. Ini bermakna intelektual ITD tidak semestinya hanya terlibat dengan kerja-kerja akademik, tetapi turut terlibat dalam urusan pentadbiran, merancang dan melaksana sesuatu organisasi yang berkait dengan bidang kepakaran. Ertinya intelektual ITD mempunyai kemahiran serba boleh termasuk sebagai pengurus dan pembuat dasar walaupun dirinya tidak popular di kalangan mereka yang tidak menyukainya.

Intelektual ITD mempunyai produk ilmu yang boleh guna oleh masyarakat dan negara. Intelektual ITD memang mempunyai produk yang boleh pasaran dan diperguna masyarakat. Produk yang dimaksudkan bukan hanya terletak kepada benda atau prototip, tetapi termasuk juga buah fikiran (Yahaya, 2003; Wijdan, 2007). Intelektual ITD sentiasa memperkuatkan diri dalam keilmuan yang diceburi supaya boleh lestari bidang keilmuannya. Ini bermakna intelektual ITD sentiasa memikirkan apa

yang anda hendak capai 5-10 tahun yang akan datang supaya menjadi intelektual yang unggul. Perkara yang paling penting mesti mencapai lebih daripada kriteria pencapaian yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. Intelektual ITD sentiasa berusaha memperbanyakkan dana penyelidikan, menghasilkan banyak penerbitan, menyertai banyak persidangan antarabangsa supaya boleh menyumbang keserjanaan untuk masyarakat lokal dan global. Dalam jangka masa panjang kehebatan dan kedalaman ilmu intelektual ITD akan diketahui oleh orang lain. Intelektual ITD sentiasa muhasabah diri dan bertanya sama ada daya intelektualnya sudah mencapai tahap keilmuan yang tinggi atau sebaliknya. Kesedaran ini melatih intelektual ITD menghasilkan produk dan buah fikiran yang boleh diguna dan akhirnya menonjol kekuatan diri dengan sendirinya tanpa mengharapkan laba serta sanjungan orang ramai. Hasil kerja dan buah fikiran intelektual ITD sentiasa diiktiraf oleh masyarakat, negara dan global kerana menyumbang kepada pembangunan tamadun manusia. **Intelektual ITD mempunyai jaringan akademik yang berterusan sama ada di peringkat lokal, nasional dan global.** Intelektual ITD mempunyai jaringan akademik yang berterusan dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Intelektual ITD memang mempunyai rakan skolar, mempunyai jaringan sosial yang luas dan mempunyai modal jaringan sosial yang kukuh (Ridwan,1998; Sardar, 1998). Jaringan akademik boleh ditafsirkan dalam bentuk *public discourse*, *professional discourse* dan *academic discourse*. Semua wacana tadi sangat penting kepada intelektual ITD untuk mengembangkan ilmu dan kepakaran. Intelektual ITD juga boleh bertukar-tukar hasil tulisan dan penerbitan bagi memperluaskan jaringan ilmu mereka. Bila modal jaringan sosial tadi sudah mantap, tidak mustahil intelektual ITD dijemput memberi ucap utama atau dijemput menjadi pengulas kertas kerja di persidangan antarabangsa. Pertemuan intelektual ITD dengan rakan kesepakaran boleh dibuat sama ada secara antara muka atau mengguna ruang siber. Jaringan sosial akademik sama ada secara manual atau melalui reruang siber membuka luas peluang kepada intelektual ITD untuk membentuk kumpulan wacana dan jaringan sosial akademik masing-masing.

Intelektual ITD mempunyai sekolah wacana idea (school of talk) yang tersendiri. Seorang intelektual ITD yang wibawa akan mempunyai *school of talk* nya sendiri. Teori yang dihasil merupakan pemikiran intelektual yang tulen sehingga diiktiraf sebagai satu ilmu wacana sejagat. Kemudiannya dikembang, disulam dan diadaptasikan dengan ilmu yang lain sehingga terjelma *school of talk*. Ilmu intelektual ITD tertakluk kepada budaya kritis untuk disesuaikan dengan keadaan masa, terkini dan tuntutan masa akan datang (Russell, 1992; Safaria, 2006). Intelektual ITD sentiasa sadar bahawa ilmu, masyarakat dan persekitaran itu adalah dinamik tetapi tidak mencacatkan keaslian teori yang dihasilkan. Kedinamisan intelektual ITD boleh dilihat bila mereka berupaya mengupas kaitan ilmu-ilmu baru dengan teori asal mereka sehingga menghasilkan teori-teori tingkat bawah (*grounded theory*). Paling penting berani mewacanakan hasil penemuan *grounded theory* tersebut untuk dikritik oleh rakan-rakan akademik supaya lebih masak dan mantap. Profesor Dr. Yusof al-Qaradawi misalnya terkenal dengan idea modenisasi Wasatiyyah yang futuristik dan mampan. Pemikiran al-Wasatiyyah Prof. Yusof al-Qaradawi memberi penekanan bahawa modenisasi perlu ada muhasabah, maknusiawi dan sesuai dengan tuntutan masa kini serta masa hadapan. **Intelektual ITD sentiasa muhasabah diri dan menjauhkan diri daripada tindakan kejahilan atau budaya taklid.** Untuk menjauhkan diri dari sifat dan tindakan kejahilan, intelektual ITD mendidik diri menjadi seorang intelektual yang jujur, berintegriti, memberi penuh perhatian terhadap ilmu dan praktikalnya, menghormati hak intelektual orang lain, menjaga aib dan kerahsiaan, serta tinggi dan ikhlas budaya membimbing terutama kepada para pelajar mereka. Intelektual ITD juga menghormati rakan kesepakaran dan melayan mereka secara adil. Intelektual ITD akur kepada daya saing yang sihat dan bukan mencari permusuhan biarpun antara mereka tidak sependapat. Intelektual ITD juga sentiasa menghormati dan mematuhi undang-undang yang relevan dengan dasar kebenaran (Syaria'ati, 1982; Syaria'ati, 1986). Jika terdapat pendapat yang bertentangan, intelektual ITD akan menyalur pandangan tersebut kepada pihak berwajib secara berhemah dan teratur. Budaya anarkis bukan budaya intelektual ITD, dan amat bertentangan dengan budaya pasar. Profesor Dr. Yusof al-Qaradawi misalnya pernah ditangkap dan dipenjarakan oleh Raja Farouk dan Presiden Gamal Abdul Nasser. Kesalahannya semata-mata mahu menjauhkan diri daripada tindakan kejahilan dengan menegur kelemahan kepimpinan dua orang pemimpin Mesir tersebut. Intelektual ITD yang matang sudah masak melayani kereh dunia akademik dan dunia realiti yang bersifat kejahilan. Mereka mempunyai

kesabaran yang tinggi untuk memperbetulkan fakta dan tanggapan yang salah mengenai sistem sosial masyarakat sehingga ada yang menjadi seorang negarawan.

Intelektual ITD sentiasa terbuka terhadap Ilmu dan bersedia mengamalkan Ilmu berdasar kepada kemampuan diri. Intelektual ITD sangat berpegang kepada etika, amalan dan keikhlasan. Intelektual ITD mempunyai sifat terbuka dalam mengamalkan ilmu seperti boleh berkongsi maklumat, pengetahuan dan idea baru yang diperolehi. Mereka juga bersifat objektiviti dalam semua tindakan dengan mengelakkan sifat bias atau memihak dalam membuat keputusan. Dunia keilmuan memerlukan objektiviti memperjuangkan kebenaran yang hakiki (Gie, 1984; Rahardjo, 1992; Ahmad Mohamad Said & Mohd Nasir Mohd Tap, 2009). Budaya menerbit oleh intelektual ITD dapat menyebarkan ilmu kepada masyarakat dan dapat membuktikan bahawa ilmu mereka bukan ciplak, duplikatif atau plagiat. Intelektual ITD juga mempunyai tanggung jawab sosial yang tinggi dalam menyampaikan ilmu. Sebarang ulasan terhadap ilmu bertujuan untuk meredakan masalah sosial dan mengurangkan bencana sosial. Ilmu itu sendiri memang bersifat pelindung dan menghalang manusia melakukan kezaliman kepada sesama manusia, haiwan dan persekitaran. Oleh itu, intelektual ITD sangat menghormati aspek kemanusiaan dalam mengamalkan ilmu. Ketika melakukan penyelidikan terhadap manusia misalnya intelektual ITD amat menghormati sampel manusia, menjaga privasi mereka, menghormati autonomi sesuatu masyarakat serta sentiasa memberi bimbingan dan tidak bersifat mendesak. **Intelektual ITD merupakan seorang penyelidik yang berjaya menguasai kekuatan diri (self power) dan sangat berminat dengan kerja-kerja penyelidikannya.** Intelektual ITD merupakan ahli penyelidik yang unggul yang mempunyai kekuatan (power) serta menguasai pengetahuan yang diselidiki (Urvoy, 2000; Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2007). Kekuatan (power) yang dimaksudkan ialah kekuatan pengetahuan, kekuatan kepimpinan, kekuatan material, kekuatan jaringan akademik, kekuatan komunikasi, kekuatan spiritual, dan yang terakhir kekuatan etika dan moral seperti yang telah dibincangkan. Intelektual ITD selalunya dilantik oleh pihak berkuasa sebagai pakar rujuk kerana penemuan kajiannya terbukti telah dapat menyelesaikan isu-isu semasa yang dihadapi negara (Waltloly, 2001). Hasil kajian intelektual ITD juga digunakan untuk merancang halatuju pembangunan negara. Kebiasaannya sumbangan mereka ini tidak didendang, tetapi memberi impak yang besar kepada pembangunan negara. Profesor DiRaja Ungku Aziz dan Allahyarham Pendita Za'aba misalnya, merupakan tokoh intelektual ITD yang menjadi pelopor dalam kajian kemiskinan. Mereka telah menyumbang dengan memberi makna yang lebih luas mengenai kemiskinan iaitu tidak tertakluk kepada kemiskinan material semata-mata.

Kesimpulannya, intelektual ITD yang tulen sentiasa merendahkan diri, sentiasa bersedia dengan perubahan masa, sangat cekap mengatur langkah-langkah kemajuan ilmu untuk masa hadapan. Mereka juga menjadi harapan kepada perubahan tamadun sama ada di peringkat lokal, nasional, serantau dan global (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2005). Aspek yang terpenting intelektual ITD sentiasa berpegang kepada kebenaran, mempunyai etika yang tinggi, dan mengutamakan nilai moral dalam kehidupan dan tindak tanduknya (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2011).

Keperibadian dan ilmu intelektual mendandang (IMD)

Intelektual IMD mempunyai pemikiran sudah tentu berlawanan dengan intelektual ITD. Intelektual IMD biasanya kurang mempunyai prinsip yang jelas, kabur mengenai kebenaran dan memegang keadilan yang kurang nyata. Golongan intelektual ini IMD selesa mengikut arus perdana atau menurut siapa sahaja yang berkuasa. Mereka tidak berani menyatakan kebenaran dan keadilan, atau cuba mengelak untuk menyata kebenaran dan keadilan biarpun golongan ini sendiri tahu sesuatu perkara tersebut benar atau salah. Intelektual IMD sangat popular, dan sangat disukai oleh golongan penguasa kerana akur dengan kehendak mereka yang berkuasa. Pandangan oleh intelektual IMD selalunya mendapat peluang dan ruang yang begitu luas dalam media arus perdana. Terdapat lima jenis intelektual IMD yang biasa dikenali daripada keperibadian dan sifat keilmuannya.

Intelektual IMD yang pertama ialah Intelektual Minda Menawan (IMM). Intelektual IMM merupakan intelektual yang mengejar populariti atau gila populariti. Intelektual IMM bukan golongan tawadduk terhadap ilmu tetapi mempergunakan ilmu untuk kepentingan diri demi mengejar pangkat, kedudukan dan kekayaan. Intelektual IMM memperolehi ilmu, tetapi ilmu yang ada padanya bersifat palsu, kosong dan tidak boleh dipakai untuk faedah kehidupan manusia secara keseluruhannya. Bila intelektual IMM menjadi pakar rujuk, ilmu yang disumbang sangat sedikit menuju kebaikan, tetapi lebih banyak menyumbang kepada kerosakan manusia dan persekitaran (Bennabi, 2005; Raja Ahmad Aminullah, 2011). Ini kerana populariti dan kuasa menjadi matlamat utama IMM dan pengikutnya. Darwin sebagai contohnya merupakan IMM yang memperkenalkan teori revolusi yang sampai hari ini tidak terbukti kebenarannya. Teori revolusi boleh dikatakan palsu kerana setakat ini masih tidak mempunyai bukti yang jelas. Teori evolusi mungkin boleh dijadikan metod untuk mengenali manusia dan alam, tetapi gagal memakmurkan kehidupan manusia sejagat. 'Konsep siapa yang kuat maka dia berkuasa' dalam teori evolusi banyak merosakkan pemikiran, jasmani, rohani dan persekitaran hidup manusia. Lebih teruk lagi teori evolusi oleh Darwin gagal dibuktikan secara saintifik kebenarannya, malah banyak membawa fitnah dan kerosakan oleh manusia yang mengamalkan teori ini seperti Hitler. Terdapat juga pemimpin-pemimpin dunia menjadi pengikut teori evolusi yang akhirnya memerintah dengan zalim sama ada bersifat fasis atau diktator (Yahaya, 1999).

Intelektual IMD yang kedua ialah Intelektual Minda Tertawan (IMT). Intelektual IMT merupakan intelektual yang mempunyai minda tertawan atau obses dengan pemikiran orientalisme dan ilmu kolonial (Raja Ahmad Aminullah, 2011). Intelektual IMT sangat berpegang teguh dan tertawan dengan ilmu kolonial sehingga mengeneipkan kebaikan ilmu lokal. Orientalisme bermaksud satu corak pemikiran yang melihat timur (oriental) sebagai mempunyai ciri-ciri tetap, monolitik, jumud, eksotik dan rendah darjat. Manakala masyarakat barat (occidental) lebih dominan dan moden (Said, 1979). Prejudis terhadap oriental bukan sahaja di kalangan intelektual IMT barat, tetapi lebih malang lagi berlaku di kalangan intelektual IMT tempatan. Tambahan pula dengan perkembangan terkini timbul pula gejala 'neo-orientalisme' yang diangkat pemikiran mereka sebagai pendekatan terkini, lebih canggih, lebih inovatif, lebih kreatif serta sangat didendang. Sikap prejudis intelektual IMT dapat dilihat dari aspek pembangunan material dan pembangunan bukan material. Intelektual IMT sangat kagum dengan teori dan wacana yang terbit dari barat. Mereka mengiktiraf penemuan para pengkaji barat tetapi jarang mengiktiraf penemuan para pengkaji tempatan. Akibat 'neo-orientalisme' yang menebal di kalangan intelektual IMT, maka hilang jatidirinya dan menjadi seorang minda tertawan.

Intelektual IMD yang ketiga ialah Intelektual Minda Ditawan (IMDT). Intelektual IMDT bukan sahaja tertawan dengan pemikiran orientalisme tetapi juga ditawan mindanya oleh ilmu kolonial atau ilmu dari barat. Pemikiran intelektual IMDT sangat taksud dan jumud dengan pemikiran barat sehingga disebut golongan minda dijajah (Milosz, 1990; Syaria'ati, 1996). Intelektual IMDT sangat bergantung kepada sumber ilmu kolonial dan ilmu barat dalam kegiatan keilmuannya. Intelektual IMDT sangat merujuk kepada modenisasi dan kemajuan kebendaan anjuran pihak barat. Minda intelektual IMDT dikongkong dan dikuasai oleh ilmu kolonial sama ada secara sedar atau secara tidak sedar. Proses penjajahan ilmu sangat mempengaruhi kemajuan intelektual IMDT di negara yang dijajah. Impak proses penjajahan tersebut lahir ramai intelektual IMDT yang popular dan berkuasa. Walaupun sudah lama merdeka, masih terdapat golongan intelektual IMDT dalam negara bekas jajahan akibat pengaruh pemikiran penjajah tadi. Penjajahan minda yang berterusan melalui proses globalisasi politik, ekonomi, sosial, teknologi, pendidikan dan Undang-undang telah melahirkan intelektual IMDT sehingga masa kini. Minda ditawan di kalangan intelektual IMDT jika tidak dibendung boleh membawa watak *Bebalisme*. Watak *Bebalisme* ungkapan popular daripada Syed Hussein Al Attas (2009). *Bebalisme* berlaku disebabkan oleh minda dan watak ditawan oleh pemikiran barat sehingga tidak boleh keluar dari pengaruh pemikiran itu. Kejumudan dan taksud kepada pemikiran barat ini menjadikan intelektual IMDT boleh dimanipulasi oleh para intelek luar yang belum tentu secukupnya dengan budaya ilmu lokal. Kepentingan diri, mendapat habuan kebendaan serta mengejar pangkat menghasilkan manusia lemah pendiriannya termasuk dialami oleh para intelektual IMDT. Mereka dianggap cerdik tetapi bebal dan tenggelam dalam

arus pemikiran menurut kehendak penjajah. Maka muncul istilah profesor kangkung, sarjana terompah kayu dan ulama 'syaitan bisu'.

Intelektual IMD yang keempat ialah Intelektual Minda Hartawan (IMH). Intelektual IMH sangat mengutamakan faedah, laba atau keuntungan yang diperolehi daripada ilmu yang mereka ada. Kesenangan duniawi menjadi pokok utama kehidupan. Ilmu digunakan sebaik mungkin untuk mengumpul harta kekayaan (Rahardjo, 1992; Ali Nadwi, 2012). Kemahiran profesional merupakan senjata ampuh untuk memperlihatkan intelektual IMH ini hebat. Terdapat juga intelektual IMH yang mengguna keilmuan mereka untuk mencari kekayaan dan kemewahan. Ilmu pengetahuan dianggap satu pelaburan bagi mendapatkan kekuasaan, kekayaan dan populariti. Berapa ramai intelektual IMH terutama dari golongan profesional terperangkap dengan nafsu tamak dan mengaut keuntungan tanpa mengambil kira aspek kemanusiaan, etika dan moral. Seorang arkitek misalnya boleh terjerumus menjadi intelektual IMH bila meluluskan rekabentuk perumahan berasaskan perolehan untung yang paling maksimum. Ukuran dan rekabentuk rumah teres kos rendah 5.5 meter x 18.3 meter atau 18 kaki x 55 kaki (990 kaki persegi) adakah sesuai untuk diduduki? Begitu juga contoh yang lain bila seorang doktor perubatan di hospital atau klinik swasta enggan merawat pesakit kerana tiada insuran atau kad kredit, adakah ini wajar? Bagi golongan intelektual IMH, perkara ini tidak menjadi ukuran tidak beretika atau tidak bermoral. Dalam minda mereka kemahiran yang ada mahal harganya dan perlu dibayar untuk mendapat perkhidmatan.

Intelektual IMD yang kelima ialah Intelektual Minda Bangsawan (IMB). Intelektual IMB sangat merasai dirinya hebat dan tidak setaraf dengan orang lain. Intelektual IMB pada zahir dan batinnya tidak mahu bercampur dengan golongan yang tidak setaraf dengan kumpulan mereka. Intelektual IMB cenderung mencipta istana keintelektual sendiri dan begitu payah untuk berkongsi pendapat atau berkongsi ilmu pengetahuan dengan orang lain (Yahaya, 2003; Syed Hussien al-Attas, 2009). Bagi mereka dengan menguasai satu-satu ilmu pengetahuan watak dan jiwa menjadi 'bangsawan' kerana mempunyai kelulusan tinggi berbanding dengan orang biasa yang lain. Konsep 'Universiti' sebagai menara gading yang dikatakan eksklusif dari segi keilmuan telah dijiwai oleh para intelektual IMB sehingga mempengaruhi sikap, perilaku dan mindanya. Sikap dan perilaku seorang intelektual IMB boleh dilihat bila dirinya tidak mahu bercampur dengan orang biasa atau tidak layak bercampur dengan golongan yang kurang pandai. Mereka memandang jujuk dengan orang miskin dan tidak berpelajaran sebaliknya suka bergaul dengan orang kaya, orang berkuasa dan orang kenamaan demi mengejar nama dan populariti. Intelektual IMB jarang membuat kajian berbentuk menyelami kesusahan orang lain kerana agak janggal untuk melakukan kerja lapangan atau tidak selesa dengan pendekatan turut serta. Intelektual IMB sangat mengambil berat tentang gaya, penampilan dan status gelaran. Gelaran Doktor, Professor, Dato' dan sebagainya sentiasa diidamkan walau dengan cara menjual ilmu dan menjual prinsip. Dalam proses keilmuan seperti menyertai persidangan dan seminar, intelektual IMB tidak mahu menjadi pembentang biasa melainkan dalam perhimpunan yang dihadiri ramai orang. Proses pertukaran ilmu secara berhemah agak sukar mereka terima kerana seorang intelektual IMB merasakan dirinya hebat ilmunya, ilmu lain tidak standing apa yang dia perolehi. Intelektual IMB jarang mahu mengakui kelemahannya dan ada pula yang tidak sedar diri mereka lemah. Mereka kagum dengan ilmu sendiri dan membodohkan orang lain. Apabila berpidato atau member syarah intelektual IMB menggunakan bahasa yang berbunga dan payah untuk difahami oleh para khalayak. Pada pendirian intelektual IMB, semakin payah difahami apa yang diperkatakan maka semakin hebat mereka dan semakin popular. Sifat negatif intelektual IMB itu telah diperingat oleh Baginda Nabi Muhammad SAW riwayat Imam Abi Daud dan At Tarmizi,

"Sesungguhnya Allah benci kepada pemedato dari (golongan lelaki) yang memilih (kata-kata) dengan lidahnya seperti lembu memilih-milih (rumput) dengan lidahnya"

Kesimpulannya intelektual IMD merupakan golongan intelektual yang sangat mementingkan diri sendiri dan kurang menyumbang kepada bidang keilmuan untuk kegunaan masyarakat. Kalau ada sumbangan

ilmu cuma untuk meraih populariti dan kemasyhuran diri. Ilmu, kuasa, kekayaan dan jaringan sosial yang menguntungkan diguna semaksimum mungkin oleh intelektual IMB demi kesenangan hidup diri sendiri.

Analisis perbezaan peri intelektual

Perbezaan di antara intelektual IMD dengan intelektual ITD boleh disintesis dengan konsep Raushanfikir. Perbezaan ini boleh dijadikan analisis perbincangan mengenai sumbangan golongan intelektual dalam pembangunan. Pada umumnya perbezaan di antara intelektual IMD, intelektual ITD dan Raushanfikir boleh dirujuk dalam Jadual 1 di bawah. Secara ringkasnya, dari segi keilmuan intelektual IMD mengguna ilmu untuk mengejar kemajuan diri, sementara intelektual ITD ilmu digunakan untuk kemajuan di negara menara gading tetapi tidak terpisah dengan kehidupan realiti. Manakala seorang Rausyanfikir, ilmu diguna untuk kemajuan hidup dan untuk kemajuan masyarakatnya. Rausyanfikir merupakan penggerak, pencetus, dan pengubah minda masyarakatnya supaya menerima kemajuan yang baik. Rausyanfikir juga berperanan sebagai pemikir bagaimana mahu memajukan masyarakat berdasarkan ilmu yang ada pada dirinya. Begitu juga dari aspek-aspek lain, perbezaan intelektual IMD dengan intelektual ITD telah disintesis di bawah Rausyanfikir (Syaria'ati, 1985; Syaria'ati, 1996; Sardar, 1998; Muhd Yusof Ibrahim, 2010). Ianya dapat membezakan yang mana intelektual mendandang tetapi tidak menyumbang kepada kemajuan, dan yang mana intelektual tidak dendang tetapi menyumbang kepada kemajuan tamadun manusia sejagat.

Jadual 1. Perbezaan intelektual IMD, intelektual ITD dan Raushanfikir

| IMD | ITD | Raushanfikir |
|--|--|---|
| Ilmu digunakan untuk mengejar kemajuan diri dan pangkat | Ilmu di menara gading, tidak terpisah dengan realiti tetapi jarang bersama rakyat. | Ilmu digunakan untuk hidup dan demi kemajuan bersama rakyat |
| Memanfaatkan status quo dan sering bertanya 'bagaimana hendak naik pangkat' | Memahami status quo dan memanfaatkan alam bagi kesejahteraan manusia | Mengajarkan mengapa dan bagaimana caranya berubah serta menjawab pertanyaan, "akan menjadi apa kita ini?" |
| Pedagog pengajaran Mempelajari teori tetapi tidak dihubungkan dengan kehidupan sekeliling | Mengajarkan fakta-fakta Mempelajari teori-teori (sosial) dan prinsip-prinsip yang berlaku universal | Mengajarkan Kebenaran Memahami dan belajar dari penderitaan batin – budaya dan peradaban – masyarakatnya |
| Mengembangkan tanggung jawab yang berubah-ubah ikut masa dan keadaan demi kepentingan diri | Mengembang tanggung jawab objektif | Mengembang tanggung jawab sosial, membawa kepada kesadaran diri |
| Prinsip rapuh dan mudah goyah | Prinsip tidak berubah dan dipertahankan berasaskan ilmunya | Prinsip tidak berubah dan dipertahankan demi kemajuan masyarakatnya |
| Mencari populariti (Al-Riya') | Populariti diiktiraf (Al-Mashur) | Populariti datang sendiri (Al-Akhfiya) |

Sumber: diubahsuai daripada Syaria'ati (1985), Syaria'ati (1996), Sardar (1998) dan Muhd Yusof Ibrahim (2010).

Berdasarkan sintesis Rausyanfikir seperti dalam Jadual 1 di atas; Raushanfikir dalam pengertian umum ialah sesiapa sahaja yang mempergunakan otaknya, iaitu kaum intelektual, mahasiswa, sarjana, guru, dan kaum profesional. Pengertian secara khusus, Rausyanfikir adalah mereka yang secara sungguh-

seorang yang menganut ideologi yang dimilikinya secara sadar. Kesadaran inilah yang membantunya untuk memilih suatu jalan hidup tertentu. Kesadaran ini pula yang membuat ia terpenggal dan sanggup berkorban untuk memenuhi kehendak masyarakatnya. Tidak seperti para ilmuwan dan intelektual IMD yang enggan menyertai gerakan merubah masyarakat atau untuk membangun kesadaran masyarakat dari penindasan dan kejahilan. Seorang Rausyanfikir mewarisi tugas para nabi yang telah mengubah sejarah kehidupan manusia melalui pegangan Tauhid, Fekah dan Tasauf umatnya. Sedangkan intelektual IMD menjadikan ilmu pengetahuan sebagai barang dagangan untuk kekayaan dan kekuasaan dirinya sendiri sahaja. Rausyanfikir merupakan mujahid pengubah zaman yang mengangkat perkara kebenaran dan menentang perkara kebatilan dalam masyarakatnya.

Jasa Raushanfikir yang tersohor dalam Islam jauh lebih awal menyumbang kepada kemajuan tamadun manusia sejagat. Bukan seperti mana didakwa oleh pihak barat yang cendikiawan mereka mendahului zaman, sedangkan mereka tidak segan silu menciplak ilmu cendikiawan Islam yang telah maju. Rausyanfikir yang disebut di bawah merupakan intelektual ITD. Intelektual yang tidak mendendangkan jasa mereka, tetapi orang lain yang memasyhurkan kerja intelektual mereka. Sehingga menjadi popular dan kemudiannya tenggelam sekejap akibat penjajahan. Namun begitu kebenaran tetap kebenaran, intelektual ITD ini memang diiktiraf sebagai Rausyanfikir tamadun manusia sejagat. Beberapa contoh boleh dilihat sumbangan para sahabat Nabi Muhammad saw. dan seterusnya para pengikut selepas itu (Wahyu, 2010). Sahabat yang bernama Salman Al Farisi merupakan intelektual pertama yang membuat strategi perang parit, meriam pelontar seperti kereta tank sekarang. Seorang sahabat lagi bernama Miqdad bin Amru merupakan orang pertama membentuk pasukan berkuda dalam peperangan. Cendikiawan Islam seterusnya ialah al-Nadim (wafat pada tahun 990M, abad ke 10) merupakan intelektual pertama membuat katalog atau ensiklopedia mengenai seni dan kebudayaan. Cendikiawan Ma'mun Ar Rasyid (wafat pada tahun 815M, abad 9) merupakan intelektual pertama menubuhkan perpustakaan umum di dunia yang dikenali dengan naman Darul Hikmah di Baghdad. Cendikiawan Nizam Al Mulk (wafat pada tahun 1067M) merupakan intelektual pertama menubuhkan universiti moden yang dikenali sebagai Nizamiyyah. Ideanya itu ditiru sistemnya oleh Universiti Oxford, England. Al-Mujahid Imam Al Ghazali (wafat pada tahun 1111) merupakan intelektual pertama membuat klasifikasi fungsi sosial pengetahuan yang dalam perkembangannya mengarah timbulnya cara membuat rujukan dari karya bibliografi, karya ahli ilmu kalam dan ahli tasawuf. Intelektual al-Ghazali jauh mendahului ahli sosiologi Auguste Comte (1798-1857M) dan Durkheim (1859-1917M). Cendikiawan Al Khindi (wafat pada tahun 866) merupakan ahli ilmuwan, mengarang ensiklopedia, pengarang 270 buku, dan mempunyai pengetahuan multi disiplin seperti ahli matematik, ahli fizik, musik, perubatan, farmasi, geografi, ahli filsafat Arab dan falsafah Yunani kuno. Begitu juga cendikiawan Al Farabi (wafat tahun 950) merupakan ahli politik, ahli muzik dan ahli falsafah Yunani. Salah satu karya besarnya mengenai falsafah telah diciplak oleh Thomas Aquinas (1225-1274M). Pakar perubatan dan falsafah Ibnu Sina (wafat pada tahun 1037) dikenali oleh barat dengan nama *Aveciena* merupakan ilmuwan ensiklopedia, perubatan, ahli psikologi, dan pengasas kepada kaedah perubatan moden. Sehingga sekarang menjadi rujukan kepada ilmu perubatan barat. Jasa yang terbesar Ibn Sina menulis ialah buku tentang fungsi organ tubuh, meneliti penyakit TB, Diabetes dan penyakit yang ditimbulkan oleh gangguan fikiran.

Cendikiawan Ibnu Khaldun (wafat pada tahun 1406M) merupakan sejarawan, pendidik ulung, pendiri filsafat sejarah dan ilmu sosiologi. Banyak karya beliau diciplak oleh ahli sosiologi barat, antaranya ialah kitab al-Muqaddimah yang menjadi asas kepada kajian antropologi dan sosiologi. Begitu juga cendikiawan Ibnu Thufail (wafat pada tahun 1185M), merupakan ahli perubatan dan ahli falsafah. Beliau juga seorang penulis novel paling awal seperti novel Risalah Hayy Ibn Yaqzan kemudian diciplak habis-habisan oleh Defoe dengan judul barunya Robinson Crusoe. Cendikiawan Ibnu Al Muqaffa (wafat pada tahun 757M) merupakan intelektual ahli zoologi pertama dan mengarang kitab Al Hayawan atau kitab tentang binatang (Ensiklopedia tentang haiwan). Cendikiawan Ikhwan Ash Shafa (wafat pada tahun 983M) merupakan intelektual pertama membuat karya bersiri dan ensiklopedia bukannya Marshall Cavendish seperti yang diwar-warkan oleh pihak barat. Cendikiawan al-Khwarizmi (wafat pada tahun 850M) telah menemukan formula matematik logaritma dan aljabar (Al Jabr) serta ilmu bumi dengan menyatakan bumi itu bulat (sebelum Galileo) dengan bukunya Kitab Surah al Ardh. Cendikiawan Al

Battani (wafat pada tahun 929M) intelektual ahli astronomi terkenal mengetahui jarak bumi dengan matahari, mencipta alat ukur graviti, alat ukur garis lintang dan menjelaskan bahawa bumi berputar pada paksinya jauh mendahului penemuan oleh Galileo. Seorang lagi cendekiawan Ibnu al-Haytsam (wafat pada tahun 1039M) merupakan intelektual yang pertama dalam bidang optik dengan kamus optiknya Kitab al-Manazhir bukannya Roger Bacon, Leonardo da Vinci, Keppler, dan Newton seperti mana dakwaan pihak barat.

Rausyanfikir yang dihuraikan di atas merupakan intelektual yang tidak mendendam diri mereka tetapi menyumbang. Mereka mempunyai semangat jatidiri keilmuan yang kuat. Ilmu Rausyanfikir boleh memecah tembok tamadun nekropolis barat yang akhirnya muncul era *renaissance* dan era pencerahan di Eropah. Mustahil mahu menafikan sumbangan Rausyanfikir Islam terhadap kemajuan politik, sosial, ekonomi, sains dan teknologi, pendidikan serta perundangan di Eropah dan tamadun barat di masa lalu dan masa kini. Jika ada penafian itu cuma mainan orientalis dan intelektual IMT di mana intelektualnya jauh dari memperjuangkan kebenaran.

Kesimpulan

Kesimpulannya, untuk menjadi seorang intelektual yang menyumbang seperti Rausyanfikir, golongan intelektual perlu memperjuangkan kebenaran ilmu dan mengamal ilmu dalam kehidupan seharian. Minat, kesungguhan, ikhlas dan beradab terhadap persekitaran ilmu juga penting. Manusia dilantik sebagai khalifah di dunia ini kerana diberi anugerah ilmu yang tinggi. Ilmu itu amanah yang perlu dijaga untuk tujuan kemajuan, kesejahteraan serta melindungi pihak yang lemah. Sebagai penutup, disampaikan satu puisi intelektual semoga menjadi panduan hidup kepada semua.

Dunia Akan Musnah Dan Punah,
Bila, Ulamak (Ilmuan) Jahat Dan Sesat,
Bila, Umarak Gila Kuasa Dan Rakus,
Bila, Kapitalis Tipu Dan Tamak,
Bila, Rakyat Jahil Dan Jauh Adab,
Jagalah, Dunia Akan Terus Musnah Dan Punah,
Bila, Yang Batil Mengatasi Kebenaran.

Rujukan

- Abd Rahman Abd Hamid (2011) *Mengurus masa depan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Abdullah (2003) *Menjadi intelektual*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd., Bentong, Pahang.
- Adams M S (2004) *Welcome to the Ivory Tower of Babel: Confessions of a Conservative College Professor*. Harbor House, USA.
- Ahmad Mohamad Said, Mohd Nasir Mohd Tap (eds) (2009) *Pembudayaan ilmu: Membina jati diri ketamadunan*. Kolej Dar al-Hikmah, Kajang, Selangor.
- Ali Nadwi SAH (2012) *Manusia dan kemaruk kebendaan: Teks dan komentar Surah al-Kahfi*. Unit Buku Harakah, Kuala Lumpur.
- Asya'ari MH (2011) *Adab dalam meraih berkat ilmu*. Pelima Media Sdn. Bhd., Bandar Baru Bangi, Selangor.
- Bennabi M (2005) *Krisis intelektual Muslim*. (Terj.). Karisma Publications Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor.
- Deary IJ (2001) *Intelligence: A very short introduction*. Oxford University Press, Oxford, UK.
- Gie TL (1984) *Konsepsi tentang ilmu*. Yayasan Studi Ilmu dan Teknologi, Yogyakarta.
- Hall SS (2010) *Wisdom: From philosophy to neuroscience*. Vintage Books, New York.

- Janin H (2008) *The university in medieval life*. McFarland & Company Inc., London.
- Keally CT (2006) Academic elitists and elite academics: An essay. *Sophia International Review* 28.
- Milosz C (1990) *The captive mind*. Vintage Book, New York.
- Mohd Kamel Idris (2011) *Kebijaksanaan: Perjalanan tanpa hujung*. MKI Pub, Kajang, Selangor.
- Muhammad Hasan al-Basri (2011) *Ilmu hikmah: Menyelami samudera ilmu menuju mutiara kebijaksanaan*. PTS Millennia Sdn Bhd., Batu Caves, Selangor.
- Muhamad Syukeri Unus (2009) *Empat puluh hadits kelebihan ilmu dan ulama*. Kahzanah Banjariah, Mahad Tarbiah Islamiah, Pokok Sena, Kedah.
- Muhd Yusof Ibrahim (2010) *Sejarah intelektual: Konsep dan skop*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nawawi H, Martini M (1994) *Manusia berkualitas*. Gadjah Mada University Press, Yogyakarta.
- Rahardjo MD(1992) *Intelektual intelegensia dan perilaku politik bangsa: Risalah cendekiawan muslim*. Penerbit Mizan, Bandung.
- Raja Ahmad Aminullah (2011) *Minda tertawan: Intelektual, rausyanfikir dan kuasa*. Strategic Information and Research Development Centre, Petaling Jaya, Selangor.
- Ridwan AH (1998) *Reformasi intelektual Islam*. Ittaqa Press, Yogyakarta.
- Rosenthal F (1996) *Etika keserjanaan Muslim: Dari al-Farabi hingga ke Ibn Khaldun*. (Terj.). Penerbit Mizan, Bandung.
- RoZIAH Sidik (2004) *Genius Muhammad Bin Abdullah*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd., Bentong, Pahang.
- Russell B (1992) *Dampak ilmu pengetahuan atas masyarakat*. (Terj.). Penerbit PT Gramedia, Jakarta.
- Safaria T (2006) *The survival intelligence (Revolution: Berdasarkan pada Al-Quran dan Sunnah Rosul*. Penerbit Ardana Media, Yogyakarta.
- Said EW (1979) *Orientalism*. Vintage Book, New York.
- Sardar Z (1998) *Jihad intelektual: Merumuskan parameter-parameter sains Islam*. (Terj.). Risalah Gusti, Surabaya.
- Schrecker EW (1986) *No ivory tower: McCarthyism and the universities*. Oxford University Press, New York.
- Shaharir Mohamad Zain (2012) *Berakhir sudahkan ilmu dalam acuan sendiri ?* Pusat Dialog Peradaban UM, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shamsul AB (2011) *'Ilmu Kolonial' dalam pembentukan sejarah intelektual Malaysia: Sebuah pandangan*. Institut Kajian Etnik (KITA), UKM, Bangi.
- Syahrul A (2011) *Intelektual dan peradaban masyarakat*. Kelompok Intrans Publishing, Malang, Indonesia.
- Syaria'ati A (1982) *Tugas cendekiawan Muslim*. (Terj.). Shalahuddin Press, Bandung.
- Syaria'ati A (1985) *Ideologi kaum intelektual: Suatu wawasan Islam*. (Terj.). Penerbit Mizan, Bandung.
- Syaria'ati A (1986) *Membangun masa depan Islam*. (Terj.). Penerbit Mizan, Bandung.
- Syaria'ati A (1996) *Humanisme: Antara Islam dan Mazhab Barat*. (Terj.). Pustaka Hidayah, Bandung.
- Syed Hussein al-Attas (2009) *Intelektual masyarakat membangun*. Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (2007) *Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam*. Penerbit USM, Pulau Pinang.
- Urvoy D (2000) *Perjalanan intelektual Ibnu Rush (Averroes)*. (Terj.). Risalah Gusti, Surabaya.
- Wahyu (2010) *99 ilmuwan Muslim perintis sains moden*. (Terj.). Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd., Batu Caves, Selangor.
- Waltloly A (2001) *Tanggung jawab pengetahuan*. Penerbit Kanisius, Yogyakarta.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2005) *Pembangunan di Malaysia: Ke arah satu kefahaman baru yang lebih sempurna*. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam UM, Kuala Lumpur.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2011) *Budaya ilmu dan gagasan IMalaysia: Membina negara maju dan bahagia*. CASIS UTM International Campus, Kuala Lumpur.
- Wijdan A (ed.) (2007) *Pemikiran dan peradaban Islam*. Safiria Insania Press, Yogyakarta.

Yahya H (1999) *The evolution deceit*. Ta-Ha Publishers Ltd., London.
Yahya H (2003) *Berfikir*. Jasmin Enterprise, Kuala Lumpur.